

Teori ekonomi cinta pertama

Dr Wan Aziz bersemuka Presiden Bank Dunia ketika krisis kewangan 1998

BH-14/4/2007

SEMBANG SABTU

Oleh Wan Hazmir Bakar dan Shamshul Azree Samshir

PENGANGGURAN dan kemiskinan dan pada lewat 1960-an dan awal 1970-an sehingga tercetus peristiwa 13 Mei 1969 dan Peristiwa Baling 1974 mendorong Datuk Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah yang ketika itu bersekolah menengah mencari jalan memperbetulkan ketidakseimbangan pengagihan kekayaan negara.

Satu demi satu falsafah dan teori ekonomi, khususnya Keynesian, yang diyakini dapat menyelesaikan masalah pengangguran dan kemiskinan diselami dengan harapan dapat menyumbang sesuatu kepada negara kelak.

"Ketika saya di tingkatan enam, saya sudah mula jatuh cinta dengan bidang ekonomi kerana ketika itu banyak teori baru diperkenalkan. Cikgu yang baru menamatkan pengajian di universiti pula mengajar teori itu kepada pelajar.

"Saya amat meminati ekonomi dan kewangan... Saya disuruh baca sebuah buku, seluruh Kota Bharu saya mencari buku itu tapi tak dapat.

Akhirnya terpaksa dipesan dari Kuala Lumpur," katanya.

Minatnya terhadap teori ekonomi semakin menebal sehinggakan beliau secara seorang diri menubuhkan persatuan dan menerbitkan buletin ekonomi di sekolahnya dengan wang elaun RM40 yang diberikan kepada pelajar tingkatan enam pada masa itu, semata-mata untuk berkongsi pengetahuan dengan pelajar lain.

"Bidang ini saya betul-betul minat, orang lain tak minat, ini masa di sekolah... saya sendiri tubuhkan persatuan dan buletin ekonomi. Saya menjadi pengarang dan saya kumpulkan semua artikel serta menulis sendiri artikel.

"Artikel itu saya cetak dan edarkan... saya terpaksa beli sendiri kertas satu rim," katanya sambil menambah hayat "Buletin Ekonomi" itu hanya bertahan untuk beberapa edisi saja kerana tiada pelajar lain sanggup membantu beliau menerbitkannya.

Namun, semangatnya mendalami ilmu ekonomi terus berkobar dan beliau memilih pengajian itu di Universiti Malaya (UM) ketika rakan sebayanya lebih cenderung mengambil jurusan lebih mudah seperti Pengajian Melayu dan Kesusasteraan.

"Masuk universiti, saya buat ekonomi. Ketika itu, orang lain buat sejarah, sastera atau pengajian Melayu kerana senanglah, tak payah berhempas pulas sangat.

"Dalam keluarga, sayalah yang pertama memasuki universiti dan memilih ekonomi sebagai jurusan pengajian," katanya yang juga memperoleh gelaran Doktor Falsafah

(PhD) dalam bidang ekonomi perniagaan dari University of Leeds, United Kingdom pada 1995.

Ketika di kampus, beliau memberi tumpuan kepada pelajaran walaupun ramai mahasiswa ketika itu terpengaruh dengan gerakan yang meniupkan semangat nasionalisme dan sosialisme. Malah, ramai pemimpin pelajar yang juga bekas graduan UM memasuki kampus untuk mempengaruhi mereka.

Namun, berbekalkan semangat ingin mendalami teori dan falsafah ekonomi serta pesanan ibu bapa, Dr Wan Abdul Aziz berjaya menepis pujukan menyertai pergerakan pelajar radikal itu yang mengadakan demonstrasi menentang kerajaan, termasuk di Baling, Kedah.

Bagaikan pucuk dicita, ulam mendatang, beliau ditawarkan jawatan Penolong Pengarah di Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi membantu kerajaan merangka Rancangan Malaysia Ketiga (RMK-3) dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) sejurus menamatkan pengajian pada 1975.

Kerajaan ketika itu mengumpulkan semua graduan yang mempunyai latar belakang pengajian ekonomi menyertai UPE dan membentuk 'think tank' kepada kerajaan dalam semua isu ekonomi yang dihadapi negara pada 1970-an.

"Ketika masuk UPE, saya kena fikir bagaimana hendak melaksanakan DEB. Saya masuk ketika draf RMK-3 sedang digubal. Maka, cabaran yang saya kena buat ialah bagaimana hendak menghapuskan kemiskinan," katanya sambil menambah UPE ketika itu hanya digerakkan tidak sampai 100 kakitangan.

Justeru, Dr Wan Abdul Aziz bertekad menggunakan ilmu dan kedudukannya bagi mengubah nasib rakyat Malaysia serta membangunkan ekonomi negara walaupun beliau berhadapan cabaran hebat dalam menterjemahkan teori kepada pelaksanaan dasar ekonomi.

"Masalahnya, bagaimana hendak menggunakan apa yang kita belajar dan cuba menyelesaikan masalah sebenar ekonomi negara. Ketika itu, negara menghadapi masalah pengangguran, inflasi, krisis minyak," katanya.

Sepanjang berkhidmat di unit itu selama 23 tahun, Dr Wan Abdul Aziz menyandang pelbagai jawatan seperti Penolong Pengarah Kanan di Bahagian Ekonomi Makro dan Bahagian Sumber Manusia serta Pengarah Bahagian Tenaga UPE.

Berdasarkan prestasi dan pengalamannya di UPE, beliau ditawarkan berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif, Bank Dunia di Washington, pada November 1998 bagi mewakili sembilan negara Asia, termasuk Malaysia.

"Ketika itu, saya adalah antara salah seorang ahli Lembaga Pengarah Bank Dunia. Semuanya ada 24 kerusi dan pada tahun itu saya mewakili Malaysia. Ketika itu (1997-1998) tahun amat sukar kerana negara dilanda krisis kewangan," katanya.

Dr Wan Abdul Aziz berkata, tang-



Profil

Datuk Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah



Lahir: 24 Mei 1952

Asal: Kota Bharu, Kelantan

Isteri: Datin Hayati Omar

Anak: Wan Lydiana Wan Abdul Aziz, 28 tahun

Wan Ashraf Wan Abdul Aziz, 24
Wan Afdzal Wan Abdul Aziz, 20

Kelulusan

- B.Econs (Hons) UM (1972-1975)
- M.Phil (Development Studies) University of Sussex, Brighton, United Kingdom (1982-1984)
- PhD (Business Economics) University of Leeds, Leeds, United Kingdom (1991-1995)
- Advanced Management Programme Harvard University, Boston (2004)

Jawatan

- Penolong Pengarah, Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (1975)
- Penolong Pengarah Kanan, Ekonomi Makro UPE JPM (1984)
- Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Sumber Manusia, UPE JPM (April 1998)
- Pengarah, Bahagian Tenaga, UPE, JPM (Mei 1998)
- Pengarah Eksekutif Kumpulan Bank Dunia, Washington (November 1998)
- Timbalan Setiausaha, Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa, Kementerian Kewangan (2001)
- Timbalan Ketua Pengarah, Bahagian Perancangan Makro, UPE JPM (2004)
- Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar) (2005)
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan (sekarang)

Anugerah:

- Anugerah Khidmat Cemerlang Perkhidmatan Awam, JPA (1994)
- Anugerah Kualiti UPE JPM (1997)
- Ahli Mangku Negara (1999)
- Datuk Paduka Setia Mahkota Kelantan (2005)

“Dalam keluarga, sayalah yang pertama memasuki universiti dan memilih ekonomi sebagai jurusan pengajian”

Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah
Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan

gungjawab baru beliau itu begitu mencabar kerana ketika itu Malaysia tidak popular di kalangan Bank Dunia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) apabila memilih pendekatan sendiri menyelesaikan krisis kewangan itu.

"Kita pergi lain sikit dari konsensus Washington, Bank Dunia serta apa yang disyorkan IMF. Kita ikut cara kita dan saya perlu 'face the music' dan pada masa sama, saya juga perlu mewakili negara lain," katanya sambil menambah beliau perlu memahami masalah ekonomi setiap negara yang diwakili.

Biarpun sudah lama berlalu, Dr Wan Abdul Aziz berkata beliau tidak dapat melupakan detik pertemuan pertamanya dengan Presiden Bank Dunia ketika itu, James Wolfensohn, sejurus tiba di Washington.

"Wolfensohn memberitahu saya: 'Baiklah, awak mengambil pendekatan berbeza dan awak percaya apa yang awak lakukan dan saya harap ia akan berhasil'.

"Saya beritahu kerajaan Malaysia yakin dan mempunyai cara sendiri dalam membuat pertimbangan. Saya

juga tekankan kerajaan yakin kaedah yang digunakan akan menyelesaikan masalah. Secara profesionalnya, Wolfensohn menerima penjelasan itu," katanya.

Dr Wan Abdul Aziz berkata, langkah yang diambil kerajaan untuk membawa Malaysia keluar daripada

“Ketika masuk UPE, saya kena fikir bagaimana hendak melaksanakan DEB. Saya masuk ketika draf RMK-3 sedang digubal. Maka, cabaran yang dihadapi ialah bagaimana hendak hapuskan kemiskinan”

Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah
Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan

da krisis kewangan 1997-1998 disifatkannya sebagai tidak 'orthodox', malah tidak pernah disebut dalam mana-mana buku teks ekonomi.

"Saya fikir ketika itu kita membuat keputusan yang amat baik... 'bold decision'. Ia dianggap 'big plus' kepada Malaysia kerana kita berani dan kita tahu apa yang kita hendak," katanya.

Beliau berkata, selepas dunia melihat tindakan yang diambil kerajaan mula memberikan hasil serta impak pertumbuhan ekonomi yang baik, barulah semua pihak menerima langkah negara itu.

"Semua orang mula terima tapi tidak bermakna negara lain boleh mencontohnya kerana kita ada ciri khusus... 'one size doesn't fit all,' katanya.

Beliau kagum dan menghormati individu di belakang keputusan kerajaan itu iaitu Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yacop, yang ketika itu dilantik sebagai Penasihat Ekonomi Perdana Menteri sebelum dibawa masuk ke dalam kerajaan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Saya rasa bertuah dapat Nor sebagai Menteri, keputusan beliau cepat dan profesional," katanya.

Dr Wan Abdul Aziz berkata, kejayaan paling manis sebelum mengakhiri tugas sebagai Pengarah Eksekutif Bank Dunia, ialah persetujuan bank itu memberi kemudahan pinjaman bernilai AS\$400 juta kepada Malaysia.

"Saya diberi mandat mendapatkan pinjaman itu. Saya pergi dan selepas beberapa rundingan di luar dan di dalam lembaga, Bank Dunia bersetuju. Itulah pinjaman terakhir kerajaan dari Bank Dunia dan ia sudah pun dibayar balik," katanya.

Apabila ditanya keyakinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terhadap keupayaannya memikul tanggungjawab itu seperti yang dinyatakan pada perhimpunan bulanan Kementerian Kewangan baru-baru ini, Dr Wan Abdul Aziz berkata:

"Setiap hari saya berdoa banyak-banyak minta ditunjukkan jalan betul, tak nak melencong ke jalan lain... hanya jalan yang diredai," katanya.